

20/07/2001

Pembukaan sehebat Kuala Lumpur '98

UPACARA pembukaan dan penutup Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 pada 8 dan 17 September nanti dirumuskan lebih menarik berbanding upacara yang sama ketika negara mengelolakan temasya kedua terbesar dunia, Sukan Komanwel '98.

Jaminan itu diberikan Ketua Penerbit Jawatankuasa Upacara Pembukaan dan Penutup Sukan Sea XXI, Mej Jen Datuk Abdul Wahid Anwar semalam.

"Walaupun jumlah peruntukan sebanyak RM5.6 juta bagi kedua-dua upacara itu lebih kecil berbanding Sukan Komanwel '98 yang memakan belanja sebanyak RM25 juta, tetapi saya beri jaminan upacara kali ini lebih menarik berbanding temasya kedua terbesar dunia itu pada 1998.

"Malah, konsep yang ditampilkan kali ini berlainan berbanding segmen yang diketengahkan ketika Sukan Komanwel '98 lalu.

"Kita percaya menerusi konsep serta garapan yang ditampilkan nanti, yang turut mempunyai beberapa elemen 'kejutan', harus mampu mencetuskan kekaguman serta meninggalkan kesan mendalam kepada penonton yang hadir.

"Kita tidak mahu menerangkan dengan lebih terperinci mengenainya, sebaliknya menyeru orang ramai hadir serta memberi sokongan padu kepada kedua-dua upacara itu," katanya dalam sidang akhbar di Stadium Kementah semalam.

Terdahulu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sekali lagi diberi tanggungjawab melaksanakan kedua-dua upacara itu. Malah, ATM turut terbabit ketika mengendalikan upacara sama ketika Sukan Komanwel '98.

Upacara pembukaan pada 8 September akan dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, manakala upacara penutup disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 September.

Kedua-dua upacara yang dijangka berlangsung gilang gemilang itu akan diadakan di Stadium Nasional, Bukit Jalil yang mempunyai kapasiti 100,000 tempat duduk.

Peminat yang mahu menyaksikan kedua-dua upacara itu kini boleh membeli dan menempah tiket yang berharga RM50, 30 dan 20.

Menurut Abdul Wahid, bagaimanapun pihaknya tidak terbabit sepenuhnya dengan upacara penutup dan pembukaan yang turut diadakan pada tarikh dan masa yang sama di Johor dan Pulau Pinang.

"Sebaliknya, upacara itu dilakukan kedua-dua kerajaan negeri terbabit tetapi kita akan turut membantu serta memantau supaya konsep yang ditampilkan tidak jauh berbeza dengan segmen yang diketengahkan di Stadium Nasional," katanya.

Abdul Wahid berkata, seramai 2,383 terbabit termasuk pelajar sekolah serta anggota tentera pelbagai pangkat kini giat menjalani latihan bagi menjayakan kedua-dua upacara itu sejak Mac lalu.

"Kita sudah mengadakan sesi latihan sejak Mac lalu termasuk mendapatkan bantuan pelajar daripada 15 buah sekolah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor dalam menjayakan beberapa segmen seperti tarian, pergerakan fizikal, koir dan sebagainya.

"Malah, kita turut mempunyai beberapa artis terkenal seperti Syafinaz, Liza Hanim, Hattan, Camelia, Elly Mazlein dan Noraniza Idris yang akan turut mencetuskan kemeriahan suasana kepada kedua-dua upacara itu," katanya.

Mengenai raptai penuh terakhir kedua-dua upacara itu, Abdul Wahid berkata, ia dijadualkan pada 5 September tetapi pihaknya memutuskan dibuat

secara tertutup bagi mengelakkan unsur `kejutan' yang mahu ditampilkan  
diketahui lebih awal.

(END)